

# Si kembar

B/H 3/4/12  
MS 4/5.

## Kembar berkulit putih / hitam

- Kemungkinan mendapatkan anak kembar berbangsa campuran dengan warna kulit berbeza adalah seorang setiap sejuta kelahiran.
- Warna kulit lazimnya ditentukan oleh sehingga tujuh genetik berbeza.
- Jika ibu atau bapa daripada keturunan campuran, telur atau sperma itu akan mengandungi kod genetik berbeza mengikut kulit campuran iaitu hitam atau putih.



■ Bagaimanapun, jika kedua-dua telur dan sperma mengandungi gen kulit putih, bayi yang dilahirkan adalah putih.

■ Namun, jika ia hanya mengandungi versi kulit hitam, bayi itu akan berkulit hitam.



**Black**  
Born  
stran

From

# unik

disloxi

libre  
15

## Pasangan Britain Kian, Remeë berkulit hitam dan putih hasil perkahwinan campur

**S**EORANG berkulit hitam dan bermata coklat manakala pasangannya berambut perang dengan kulit putih. Malah, biarpun senyuman dan ketinggian mereka hampir sama, sesiapa saja yang melihat mereka pasti tidak akan melabelkan mereka sebagai kembar.

Namun, realitinya, Kian dan Remeë adalah pasangan kembar perempuan yang lahir beza cuma seminit. Malah, bukan saja paras rupa dan warna kulit mereka berbeza, sebaliknya pasangan kembar seiras ini juga menjadi antara kembar yang hanya wujud sepasang bagi setiap sejuta kelahiran! Itu pun mengambil kira kombinasi genetik ibu bapa mereka yang juga pasangan Remi Horder yang berkulit hitam dan isterinya; Kylee Hodgson yang berkulit putih.

Lebih unik lagi, bagi Hodgson dan Horder, mereka masing-masing mempunyai ibu berkulit putih dan bapa kulit hitam. Hasil perkahwinan mereka lapan tahun lalu, menyaksikan kelahiran anak kembar mereka yang mewakili kedua-dua gen kulit putih dan hitam hasil keturunan ibu bapa serta kedua-dua datuk dan nenek mereka.

Pasangan kembar tidak seiras yang baru saja menyambut ulang tahun ke-7, itu pertama kali mencuri perhatian dunia selepas dipaparkan dalam akhbar *Daily Mail*, ketika berusia setahun.

Jika ramai yang musykil dengan kewujudan pasangan kembar sedemikian, hakikatnya baik Kian dan

Remeë tidak pernah menjadi mangsa diskriminasi atau diajukan persoalan itu oleh sesiapa yang melihat mereka, setakat ini.

"Bagi saya mereka adalah contoh terbaik. Mereka mewakili kumpulan masyarakat kulit putih dan hitam serta bagaimana penyatuan itu membentuk insan yang comel dan unik," kata ibu mereka, Hodgson yang dipetik akhbar *Britain*, baru-baru ini.

"Sebagai ibu, saya juga berbangga kerana mereka tidak pernah menjadikan warna kulit itu sebagai satu halangan atau masalah besar. Mereka tidak pedulikan mengenainya. Persepsi itu mungkin tidak sama dengan tanggapan ramai yang sebaliknya mengutamakan perbezaan warna kulit dan mencetuskan pelbagai masalah berkaitan. Bagi mereka, kulit itu cuma luaran sebaliknya apa yang penting adalah pertalian atau ikatan kekeluargaan," katanya.

Mengulas kelahiran permata hatinya itu, Hodgson, 25, berkata disebabkan hamil anak kembar, beliau terpaksa bersalin secara pembedahan pada 2005. Pada ketika itu, perkara pertama yang menjadi perhatiannya adalah persamaan mata mereka bermata biru.

"Biarpun rambut Remeë perang, Kian sebaliknya memiliki rambut hitam dan kulitnya tidak terlalu gelap. Namun, sebagai ibu, apa yang lebih utama adalah mereka anak saya dan berkeadaan normal. Mulanya, rasa hairan juga, kenapa mereka tidak

serupa sedangkan kembar. Saya juga menyangkakan persamaan itu akan berlaku apabila mereka membesar, tetapi sebaliknya makin lama makin tak sama," katanya.

Buktinya, selain pembentukan tubuh mereka menjadi budak seiring usia, Kian sebaliknya terus 'tersisih' daripada rupa paras dimiliki kakaknya, Remeë. Warna mata Kian bertukar menjadi coklat dan kulitnya semakin gelap. Remeë sebaliknya menjadi semakin putih dan rambut keritingnya kekal perang.

Seakan tidak mengejutkannya, Hodgson berdepan dengan bertubi-tubi pertanyaan mengenai identiti anak-anaknya setiap kali keluar ke kawasan tumpuan ramai.

"Pertanyaan seperti awak jaga anak siapa? Baiknya awak sanggup jagakan juga kawan anak awak ni adalah antaranya yang terpaksa saya jawab setiap kali membawa mereka dalam kereta sorong. Ada juga yang hairan dan bertanya kenapa saya mengenakan pakaian sama kepada kedua-dua bayi itu sedangkan mereka bukannya sama.

"Jawapan saya mudah - mereka ini kembar dan saya lazimnya berlalu pergi membiarkan mereka memikirkan sendiri mengenainya," kata Hodgson.

Beliau mengakui pada mulanya berasa marah dan terkilan dengan pertanyaan yang baginya menjengkelkan, tetapi keadaan semakin berubah apabila jiran dan penduduk di sekitar tempat

# Black and white twins

In a minute apart, the two little sisters who  
nurses can't believe came from the same mum



in the Mail, February 21 2006

▶▶ Kian  
(kiri) dan  
Remee,  
meskipun  
berbeza  
kulit dan  
rupa, tetapi  
berkongsi  
hobi yang  
sama.

tinggalnya mulai menerima hakikat itu.

"Hanya orang asing saja yang terus bertanya soalan," katanya.

Selain fizikal mereka yang unik, apakah si kembar ini juga memiliki perangai yang tidak kurang istimewanya?

Terbukti, mereka bertatih, berjalan dan seterusnya bercakap pada masa yang berbeza biarpun perkataan pertama diucapkan adalah 'Juice!'

"Kian sebaliknya lebih dominan dan banyak bercakap serta suka mengarah itu ini. Remee pula, lebih memaparkan ciri-ciri yang berlawanan iaitu lebih relaks, bersahaja dan lazimnya berfikir panjang sebelum bertindak.

"Mereka bagaimanapun berkongsi hobi sama iaitu menari dan menyanyi biarpun menghadiri kelas berbeza," kata Hodgson yang kini menjaga anak-anaknya di Dudley, West Midlands, selepas berpisah dengan suaminya.